

## Dhikr Ism al-Dhat: Tuntutan Amalannya dalam Al-Quran

Syed Hadzrullathfi Syed Omar  
Engku Ibrahim Engku Wok Zin  
Mohd Shahril Othman  
Razali Musa

### *ABSTRACT*

*Dhikr ism al-dhat, which is repeatedly reciting the essence divine "Allah" verbally or in heart, is one of the methods in the remembrance of God and has been accepted by many Islamic scholars. Hence, this article tries to reveal the concept, through an analysis of various Qur'anic verses whether it is derived from many Quranic verses which have emphasized the importance of remembering God. As well, the article also attempts to highlight the invocation's contribution to achieving the station (maqam) of ihsan as an ultimate aim which is mentioned in sunnah.*

*Keywords:* Dhikr; Ism al Dhat; The Practice of Dhikr

### Pendahuluan

*Dhikr ism al-dhat* adalah satu bentuk amalan dianjurkan oleh sesetengah ulama bagi mencapai maksud *dhikr Allah* yang merupakan antara perkara penting ditonjolkan dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w., kerana ia berkait rapat dengan keyakinan, keimanan dan pelbagai ibadat yang dilaksanakan oleh setiap mukmin sepanjang zaman, apatah lagi mukmin yang berada dalam dunia moden kini yang penuh dengan cabaran. Cukuplah sebagai bukti kebenaran kenyataan tersebut apabila Allah s.w.t. sendiri menamakan al-Quran sebagai *al-Dhikr* yang dijamin pemeliharaannya di sisi Allah s.w.t. (*al-Hijr*: 9), sementara sunnah Nabi pula merupakan pentafsir kepada al-Quran yang turut menjelaskan kepentingan dhikr Allah tersebut dalam konteks lebih luas dan terperinci. Sehubungan itu, rencana ini akan mengetengahkan satu penelitian khusus tentang amalan dhikr ism al-dhat dengan meninjau aspek sumber kewajaran amalan itu dalam al-Quran, di samping melihat perkaitan hubungan amalan tersebut dengan kesan

iman yang boleh dicapai oleh seseorang mukmin berpanduan pandangan para ulama.

### **Takrif *Ism al-Dhat***

Apabila istilah *ism al-dhat* atau *al-'ism al-mufrad* dikaitkan dengan Allah s.w.t., maka ilmuan Islam mendefinisikannya sebagai lafaz mulia Allah, iaitu nama bagi zat Allah s.w.t. yang wujud haqiqi, mencakupi segala makna sifat *uluhiyah*, *rububiyyah* (al-Qurtubi 1952), dan segala sifat kepujian (al-Bajuri t.th.). Lafaz *al-wujud al-haqiqi* dalam takrif tersebut adalah satu istilah digunakan bermaksud, kewujudan Allah s.w.t. merupakan penyebab utama kepada wujudnya segala makhluk yang tanpa wujudNya makhluk tiada. Malah istilah itu juga membawa makna Allah s.w.t. sahaja mengadakan, merekacipta, menyempurna dan membinasakan mereka semua (al-Manufi t.th.). Ini bermakna lafaz *al-wujud* apabila dipakai kepada makhluk adalah berbeza daripada lafaz *al-wujud* yang dipadankan kepada Allah (al-Ghazali 1986) kerana semua kewujudan selain wujud Allah adalah ciptaan yang sementara dan pula terbatas mengikut kehendakNya.

### ***Dhikr Allah dalam al-Quran***

Perkataan al-dhikr dalam bahasa Arab berasal dari kata kerja dasar *dhakara* (*al-shay'a*) bererti memelihara (sesuatu), menyebutnya dengan lidah, menyebutnya dengan hati, mengingatinya semula, mempelajarinya (Ibn Manzur 1992), memberitahu, dan juga boleh bermaksud mencela, menyebut keaiban, meminang (Ibrahim Anis 1987). Perkataan *al-tadhakkur* juga bermaksud mengingati semula perkara yang terlupa.

Sementara pemakaian perkataan al-dhikr dalam al-Quran bermaksud menyebut dengan lidah, menyebut dengan hati, mengingati semula, mempelajari, mengamal, memikir, memberitahu, mencela, kemuliaan, solat, al-Quran, kisah, sebagaimana dijelaskan sebahagian maknanya dari aspek bahasa. Sehubungan itu, al-Suyuti (m. 911H) mengklasifikasikan perkataan al-dhikr kepada dua puluh makna berbeza (al-Suyuti 1988). Al-dhikr menurut beliau boleh diertikan seperti senarai berikut.

- *dhikr al-lisan* (zikir lisan)
- *al-bayan* (keterangan)
- *al-hifz* (pelihara)
- *dhikr al-qalb* (zikir hati)
- *al-ta`ah wa al-jaza'* (taat dan ganjaran)
- *al-salawat al-khamsah* (solat lima waktu)
- *al-'izah* (pengajaran)
- *al-khabar* (berita)
- *al-sharaf* (kemuliaan)
- *al-'aib* (keaiban)
- *al-Lawh al-Mahfuz* (Luh Mahfuz)
- *al-wahy* (wahyu)
- *al-rasul* (rasul)
- *al-salah* (solat)

- *al-hadith* (pemberitahuan)
- *al-Quran* (al-Quran)
- *al-Taurah* (Kitab Taurat)
- *salah al-Jumu`ah* (solat Jumaat)
- *al-thana'* (kepujian)
- *salah al-'Asr* (solat Asar)

Walau bagaimanapun, al-Suyuti dilihat tidak konsisten dengan pentafsiran makna dhikr Allah sebagai solat (al-'Ankabut: 95). Dhikr Allah juga ditafsirkan oleh beliau sebagai ‘dhikr Allah akan hambaNya’ berpandukan pandangan dikemukakan oleh Ibn `Abbas (m. 68H), Mujahid (m.104H) dan Hasan al-Basri (m. 110H). Al-Suyuti turut mengemukakan satu pentafsiran lain tentangnya yang dibuat oleh Abi Malik, iaitu dhikr Allah akan hambaNya ketika solat adalah lebih agung daripada solat itu sendiri. Sekali pun begitu, bukan beliau sahaja mentafsirkan ayat tersebut sebagai solat, bahkan terdapat ulama tafsir lain seperti al-Nasafi (m. 537H) dan al-Baydawi (m. 685H) turut membuat pentafsiran yang sama (al-Suyuti 1993; al-Nasafi 1953; al-Baydawi 1996). Tegasnya, makna menyebut dan mengingati Allah yang didukung oleh lafaz dhikr Allah terkandung dalam semua aspek ibadat dalam Islam, sama ada ibadat dimaksudkan berbentuk ibadat dari aspek hati, perbuatan atau percakapan. Hal demikian kerana sifat mengingati Allah adalah roh ibadat yang tidak boleh lekang daripada ketiga-tiga aspek tersebut (Ibn al-Qayyim 1973).


## Tuntutan al-Quran terhadap Dhikr Allah

Al-Quran seringkali mengaitkan dhikr Allah dengan berbagai-bagai kebaikan dijanjikan Allah seperti beroleh kejayaan (al-'Anfal: 45), diingati Allah (al-Baqarah: 152), hati menjadi tenang (al-Ra`dd: 28) dan lainnya. Sebagaimana al-Quran juga banyak mengingatkan keburukan yang bakal diterima oleh sesiapa sahaja yang meninggalkannya seperti balasan azab neraka (al-Jin: 17), dibangkit pada hari Akhirat dalam keadaan buta (Taha: 124), berada dalam kesesatan (al-Zumar: 22), menjadi kumpulan syaitan yang mendapat kerugian (al-Mujadilah: 19) dan syaitan dijadikan teman untuknya (al-Zukhruf: 36). Bertitik tolak daripada asas tersebut, difahami bahawa al-Quran secara tidak langsung menyifatkan segala keburukan dan kerosakan adalah berpunca daripada ketiadaan dhikr Allah pada diri seseorang. Sebagai huraihan, semua amalan dan berbagai perbuatan jahat yang disifatkan sebagai perkara dosa dan maksiat oleh al-Quran, adalah tercetus daripada bermacam-macam lintasan jahat dalam hati, kemudian dipupuk menjadi utuh sehingga ke peringkat tiada ruang dalam hati untuk dhikr Allah. Akhirnya, hal itu bertapak dalam hati lalu membina satu pegangan dan iktikad yang diyakini seseorang.

Segala keburukan tersebut, menurut perspektif al-Quran adalah terhasil daripada dorongan kehendak nafsu amarah (al-nafs al-'ammarah), yang tidak

mungkin seseorang terbebas darinya melainkan dengan rahmat Allah (Yusuf: 53). Dhikr Allah pula merupakan satu bentuk rahmat Allah yang ditonjolkan sebagai satu asas penting yang mampu mengeluarkan seseorang daripada pelbagai keburukan nafsu amarah kepada hati bersifat tenang (*tatma'in al-Qulub*) dan sejahtera (*qalb salim*) (al-Shu`ara: 89). Hati yang tenang dan sejahtera adalah hati yang dimakmurkan dengan dhikr Allah kerana tiada ruang bagi lintasan jahat untuk bertapak dalamnya. Intihanya, pemilik hati disifatkan itu layak diistilahkan oleh al-Quran sebagai Mukminun Haqqa (orang-orang mukmin sejati) (al-'Anfal: 4).

Walau apa sekalipun, hati yang disifatkan sebegitu rupa memerlukan satu neraca lain untuk mengukur keabsahan dakwaan terhapus pelbagai lintasan jahat dinyatakan itu. Neraca dimaksudkan ialah terhakis segala sifat-sifat tercela (*madhmumah*) daripada diri seseorang mukmin seperti sifat ujub, riak, sompong, hasad, dengki, dendam dan bermacam-macam lagi, kerana yang demikian itu adalah sifat tercela bagi hati yang terbina hasil daripada cetusan pelbagai lintasan jahat itu (al-Qushayri 1990). Keterangan di atas dapat digambarkan menerusi rajah satu (1) di halaman sebelah.



Rajah 1: Tuntutan al-Quran Terhadap Dhikr Allah

## Dhikr Ism al-Dhat dalam al-Quran

Istilah dhikr ism al-dhat atau ism al-mufrad adalah bermaksud berzikir dengan menyebut lafaz Allah berulang-ulang sama ada secara lisan atau dalam hati. Sebagaimana lepas, lafaz dhikr Allah dalam al-Quran antaranya merujuk makna menyebut nama Allah dan mengingatinya. Dalam konteks dhikr Allah, al-Quran menyebut lafaz ‘ism Allah sebanyak sembilan kali (al-Maidah: 4; al-‘An`am: 118, 119, 121, 138; al-Hajj: 27, 34, 36, 40), lafaz ‘ism rabbik sebanyak empat kali (al-Rahman: 78; al-Muzammil: 8; al-‘Insan: 25; al-‘A`la: 1) manakala lafaz ‘Ism Rabbih (al-‘A`la: 15) diulang sebut hanya sekali sahaja, yang kebanyakan maksud lafaz tersebut adalah merujuk ism al-dhat (Muhammad Zaki t.th.)

Berhubung perkara tersebut, sebahagian ilmuwan Islam, cuba membuktikan kewajaran amalan dhikr ism al-dhat dari aspek syarak, berdasarkan ayat al-Quran menyarankan dhikr Allah yang merujuk makna menyebut dan mengingati Allah. Mengambil contoh Ibn `Ata' Allah al-Sakandari (m. 709H) dalam menghuraikan kelebihan lafaz Allah, beliau menegaskan bahawa Allah menjadikan sebutan lafaz Allah itu sendiri sebagai ibadat yang terbaik berpandukan beberapa ayat al-Quran yang menggesa supaya berzikir (Ahmad bin `Ata' Allah al-Sakandari t.th.). Antaranya firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya.

(al-‘Ahzab: 41-42)

dan firman Allah:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ فِي نِمَاءٍ وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ

Maksudnya:

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri, duduk dan semasa mereka berbaring mengiring.

(Ali-‘Imran: 191)

Lafaz Udhkuru Allah dan Yadhkuruna Allah dalam kedua-dua ayat lepas telah difahami oleh Ibn `Ata' sebagai satu suruhan daripada Allah s.w.t. memperbanyakkan menyebut lafaz Allah. Alasan beliau menjadikan sebutan nama Allah sebaik-baik ibadat, adalah kerana terdapat tuntutan al-Quran supaya menyebut nama Allah sebanyak mungkin, tidak pula nama-nama lain.

Demikian itu sekaligus menunjukkan lafaz tersebut adalah dikasihi Allah serta mempunyai kelebihan, keagungan dan kemuliaan khusus di sisiNya berbanding semua bentuk zikir lain (Ahmad bin Mustafa al-'Alawi 1992).

Antara dalil lain daripada al-Quran, menonjolkan suruhan berzikir dengan menyebut nama Tuhan seperti firman Allah:

وَادْكُرْ أَسْمَ رَبِّكَ مُكَرَّةً وَأَصِيلًا

Maksudnya:

Dan sebutlah dengan lidah atau dengan hati akan nama Tuhanmu (dalam dan di luar sembahyang), pada waktu pagi dan petang.

(al-'Insan: 25)

Firman Allah lagi:

وَادْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضْرُعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنْ  
الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْأَصَالِ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ

Maksudnya:

Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahNya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi orang-orang yang lalai.

(al-'Araf: 205)

Firman Allah seterusnya:

وَادْكُرْ أَسْمَ رَبِّكَ وَتَبَّلَّ إِلَيْهِ تَبَّيِّلًا

Maksudnya:

Dan sebutlah (dengan lidah dan hati) akan nama Tuhanmu (terus menerus siang dan malam), serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepadaNya dengan sebulat-bulat tumpuan.

(al-Muzammil: 8)

Dalam menghuraikan ayat sama, Abu Hayyan (m. 745H) menyifatkan makna literal nas berkenaan ditekankan kepada menyebut nama Tuhan, iaitu Allah s.w.t. kerana menghadirkan hati dengan nama zat yang maha suci membawa kepada hadir hati serta mengingati segala sifat-sifat kesempurnaanNya" (Abu Hayyan 1978).

Nas al-Quran lain berkaitan isu sama seperti firman Allah:

قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ أَوْ أَدْعُوا الرَّحْمَنَ أَيْمًا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ  
الْخَيْرَ

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad), "Serulah nama Allah atau nama *al-Rahman*. Apa-apa sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia."

(al-'Isra': 110)

FirmanNya lagi:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْخَيْرَ فَادْعُوهُ بِهَا

Maksudnya:

Dan Allah mempunyai nama-nama baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu.

(al-A`raf: 180)

Dalam ayat-ayat di atas, terdapat saranan menyebut nama Allah atau *al-Rahman* atau apa-apa nama-nama baik Allah yang lain. Lafaz *Ud'u* selain diertikan sebagai *serulah* (al-Alusi 1984), ia juga membawa makna *berdoalah* (al-Shawkani 1976), *berzikirlah* atau *namakanlah* menggunakan nama *Allah* atau *al-Rahman* (al-Razi 1990). Oleh itu, mengulang-ulang nama-nama Allah secara *mufrad* (tunggal) dalam doa dan zikir telah difahami daripada ayat tersebut (Muhammad Zaki bin Ibrahim t.th.).

### **Dhikr Ism al-Dhat dalam Wahyu Pertama**

Kepentingan dan kedudukan dhikr ism al-dhat terserlah semenjak penerimaan wahyu pertama. Wahyu pertama diturunkan kepada Rasulullah s.a.w., iaitu suruhan 'bacalah dengan nama Tuhanmu *Allah*' (al-'Alaq: 1), telah memberi impak besar yang sangat mendalam terhadap seluruh kehidupan baginda s.a.w. dari aspek kerohanian. Ia dilihat sebagai pengukur utama dalam membentuk sahsiah insan kamil yang diistilah oleh Rasulullah s.a.w. sebagai muhsin iaitu seseorang yang beribadat seolah-olah melihat Allah atau yakin bahawa Allah melihatnya (al-Bukhari 1987).

Kenyataan hadis di atas secara tidak langsung menunjukkan Rasulullah s.a.w. merupakan insan pertama mencapai status kesempurnaan ibadat

dimaksudkan itu. Ihsan merupakan martabat iman tertinggi boleh dicapai oleh hamba Allah s.w.t.. Maksud sebenar ihsan dalam konteks tersebut ialah, penyaksian hamba terhadap keagungan serta kesempurnaan Allah (*Shuhud*) dan merasai kehadiranNya dalam semua keadaan sekali pun berada di tengah-tengah urusan dunia ini diharuskan. Malah rasa kasih terhadap urusan dunia ini pada hakikatnya merupakan satu pentajalian (*tajalli*) kesempurnaan Allah yang tersirat di sebaliknya, bukan pula kerana urusan itu sendiri ( Abd al-Ghani al-Nablusiy t.th.).

Istilah ihsan dari konteks hadis dapat ditafsirkan bahawa seseorang yang mencapai peringkat (*maqam*) ini, semua tindak-tanduknya adalah termasuk dalam erti kata beribadat sama ada makan minum, bercakap, bermiaga, suka duka, marah dan sebagainya (*ibid*). Pentafsiran itu tersirat dalam Allah berfirman:

رِجَالٌ لَا تُلْهِمُهُمْ تَجَرَّةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ  
وَإِيتَاءِ الزَّكُوَةِ تَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَرُ

Maksudnya:

(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.

(al-'Isra': 110)

Sunnah Rasulullah s.a.w. juga membuktikan baginda s.a.w. mengajar umatnya mengingati Allah dalam semua aspek kehidupan bermula dari perkara yang dianggap paling remeh seperti sewaktu keluar masuk tandas hingga kepada semua urusan lain yang lebih penting, dan kesemuanya itu berada dalam ruang lingkup mengingati Allah s.w.t.. Sehubungan itu, Aishah r.a. pernah meriwayatkan Rasulullah s.a.w. sentiasa menyebut serta mengingati Allah dalam semua aspek kehidupan yang dipamerkan oleh baginda s.a.w (Muslim t.th.). Semua perkara tersebut membuktikan tentang kesan penghayatan terhadap tuntutan wahyu pertama berkenaan, ditonjolkan oleh baginda s.a.w. yang seharus menjadi ikutan umatnya.

Oleh itu, tidak sepatut penghayatan tuntutan wahyu pertama tersebut hanya terhenti pada makna literal atau zahir nas sahaja. Sebaliknya, makna secara mendalam boleh difahami ialah, ayat *iqra'* merupakan satu *talqin* kepada Rasulullah s.a.w. supaya berada pada satu tahap iman tertinggi berserta dengan *shuhud* (penyaksian dalam pandangan hati) bahawa segala tindak tanduk dan gerak laku baginda s.a.w. pada hakikatnya adalah dengan Qudrat dan Iradat

Allah, yang turut dinamakan dengan maqam *billah* (kebersamaan Allah) (Ibn `Ajibah 2005). Maqam *billah* atau berbagai-bagai istilah lain yang memberi maksud sama seperti *al-wusul*, *al-qurb* atau *al-hudur ma`a Allah*, juga pernah digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadith lain iaitu:

فِإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُلُّتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبَصِّرُ  
بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا

Maksudnya:

Maka apabila Aku kasih kepadanya, Akulah pendengaran yang dia mendengar dengannya, penglihatan yang dia melihat dengannya, tangan dan kaki yang digunakannya untuk menepuk dan berjalan.

(al-`Asqalani 1959)

Maka, bagi mencapai tingkatan maqam *billah* atau ihsan tersebut, terdapat sesetengah ulama Islam menjadikan lafaz ism al-dhat sebagai satu wasilah menyampaikan mereka kepada tujuan yang dimaksudkan (al-Mazhari 2004). Nas ‘*Iqra’ bismi Rabbik* pula telah difahami sebagai suatu anjuran menyebut nama Tuhan Allah atau membaca nama-nama Allah serta mengulangi sebutan itu secara berterusan (al-Nakhjuwani t.th.) sehingga terpancar makna kebersamaan Allah (*billah*) dalam segala gerak-laku dan tindak-tanduk seseorang mukmin. Fahaman tersebut berasaskan lafaz ‘*iqra’* membawa makna ‘*udhkur*’ (al-Khazin 1979), manakala huruf *al-ba’* dalam perkataan bismi membawa makna berlaziman dan berulangan (*al-mulazamah wa al-tikrar*) (al-Barusawi t.th.).

Di samping itu, saranan al-Quran supaya ‘*sebut dan ingat Allah sebanyaknya*’ juga difahami sebagai asas bagi menyebut ism al-dhat berulang-ulang. Oleh itu, para ulama’ Islam seperti al-Junayd (m. 297H), al-Qushairi (m. 465H), al-Ghazali (m. 505H) dan lain mereka, menyarankan supaya memperbanyakkan *dhikr ism al-dhat* (al-Qushairi 2000; al-Ghazali 1988; al-Sha`rani 1997; `Abd al-Qadir `Isa 2001). Menerusi pelbagai saranan mereka menggalakkan amalan tersebut, menunjukkan mereka telah memahami rahsia yang tersirat di sebalik tuntutan al-Quran supaya menyebut nama ‘Allah’ sebanyak-banyaknya dalam hubungan mencapai iman diperingkat ihsan. Sebagai contoh, kenyataan yang digambarkan oleh al-Junayd, “Seseorang yang berzikir dengan *ism al-dhat*, telah pergi lantas sampai kepada mengenal TuhanYa, justeru menunaikan hak ketuhanan serta shuhud kepadaNya. Cahaya shuhud telah melenyapkan segala sifat *bashariyyah*-nya (sifat tercela)” (Sakhar 1970).

## Kesimpulan

Dhikr Allah merupakan satu asas penting bagi mencapai kesempurnaan segala tuntutan al-Quran dan Sunnah, kerana ia berkait rapat dengan konsep keyakinan, keimanan dan ketakwaan, di samping mengingati Allah disifatkan sebagai roh atau inti pati semua ibadah disyarukkan. Sehubungan dengan itu, amalan dhikr ism al-dhat merupakan satu wasilah yang dilihat mempunyai asas kukuh bersumberkan al-Quran serta pengamalannya telah disokong pula oleh ilmuwan Islam. Amalan zikir tersebut juga terbukti memainkan peranan penting untuk mengembalikan keutuhan keyakinan serta kekentalan iman kepada Allah bagi setiap individu mukmin masa ini, iaitu iman yang pernah suatu ketika dulu dimiliki oleh generasi awal Islam yang gemilang. Menerusi penghayatan amalan itu, setiap individu mukmin kini mampu menghadapi kemelut dunia kontemporari, selain memiliki potensi untuk membina modal insan yang menjadi tuggak asas kepada pembentukan ummah cemerlang.

## Rujukan

- Abu al-Husayn, Muslim bin al-Hajjaj, t.th., *Sahih Muslim*, tahqiq: Muhammad Fu'ad `Abd al-Baqi, Beirut: Dar 'Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Abu Hayyan, Muhammad bin Yusuf, 1978, *Bahr al-Muhit fi Tafsir al-Quran*, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-'Alawi, Ahmad bin Mustafa, 1992, *al-Qawl al-Mu'tamad fi Mashru'iyyah al-Dhikr al-'Ism al-Mufrad*, c. 2. Maghribi: al-Tab`ah al-'Alawiyyah.
- al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar Abu al-Fadl. 1959, *Fath al-Bari, Bab al-Tawadu'*, tahqiq: Muhammad Fu'ad `Abd al-Baqi, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Alusi, Abu al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud, 1984. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab'i al-Mathani*, c. 2, Beirut: Dar 'Ihya' al-Turath.
- al-Bajuri, Ibrahim t.th, *Sharh Jauharat al-Tawhid*, t.t.p.
- al-Barusawi, Isma'il Haqqi, t.th., *Tafsir Ruh al-Bayan*, Kaherah: Dar al-Fikr.
- al-Baydawi, Nasir al-Din Abu al-Khair `Abd Allah bin 'Umar bin Muhammad, 1996, *Anwar a-Tanzil wa Asrar al-Takwil*, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il, 1987, *al-Jami` al-Sahih al-Mukhtasar*, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, 1986, *Ihya' 'Ulum al-Din*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_, 1988, *Majmu`ah Rasail al-Imam al-Ghazali, Kimiya' al-Sa`adah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Khazin, Abu al-Hasan `Ali bin Muhammad bin Ibrahim bin `Umar al-Shaykhi, 1979, *Lubab al-Takwil fi Ma`ani al-Tanzil*, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Manufi, al-Sayyid Mahmud Abu al-Fayd, t.th., *Al Tamkin fi Sharh Manazil al-Sa'irin*, Kaherah: Dar Nahdah Misr li al-Tab`i wa al-Nashr.
- al-Mazhari, Muhammad Thana' Allah al-`Uthmani al-Hanafi, 2004, *Tafsir al-Mazhari*, tahqiq: Ahmad `Izzu `Inayah, Beirut: Dar 'Thya' al-Turath al-`Arabi.
- al-Nablusi, `Abd al-Ghani, t.th., *al-Fath al-Rabbaniy wa al-Fayd al-Rahmaniy*, Beirut: al-Matba`ah al-Kathulikiyyah.
- al-Nakhjuwani, Ni`mah Allah bin Mahmud, t.th., *al-Fawatih al-`Ilahiyyah wa al-Mafatih al-Ghaibiyyah*, Kaherah: Dar Rukkabi li al-Nashr.
- al-Nasafi, Abu al-Barakat `Abd Allah bin Ahmad bin Mahmud Hafiz al-Din, 1953, *Madarik al-Tanzil wa haqaiq al-Takwil*, c. 2, Kaherah: Dar al-Sha`b.
- al-Qurtubi, Abu `Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr bin Farh, 1952, *al-Jami` li Ahkam al-Quran* Kaherah: Dar al-Sha`b.
- al-Qushayri, `Abd al-Karim bin Hawazan bin `Abd al-Malik bin Talahah bin Muhammad, 2000, *Lataif al-Isharah*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_, 1990, *al-Risalah al-Qushairiyyah*, c. 2, Beirut: Dar al-Khayr, tahkik: Ma`ruf Zurayq dan `Ali `Abd al-Hamid Abu al-Khayr.
- al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin `Umar al-Khatib, 1990, *al-Tafsir al-Kabir aw Mafatih al-Ghayb*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- al-Sakandari, Ahmad bin `Ata' Allah, t.th., *Allah, al-Qasd al-Mujarrad fi Ma`rifah al-Ism al-Mufrad*, Kaherah: Dar Jawami` al-Kalim.
- al-Sha`rani, Abu al-Mawahib `Abd al-Wahhab bin Ahmad bin `Ali al-`Ansari, 1997, *al-Tabaqat al-Kubra al-Musamah bi Lawaqih al-`Anwar fi Tabaqat al-`Akhyar*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- al-Shawkani, Muhammad bin `Ali bin Muhammad, 1976, *Fath al-Qadir al-Jami` bayn fannai al-Riwayah wa al-Dirayah min `Ilm al-Tafsir*, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Suyuti, `Abd al-Rahman bin Abi Bakr Jalal al-Din, 1988, *al-Itqan fi `Ulum al-Quran*, Beirut: Maktabah al-`Asriyyah.
- \_\_\_\_\_, 1993, *al-Durr al-Manthur*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn `Ajibah, `Abbas Ahmad bin Muhammad bin al-Mahdi al-Hasaniy, 2005, *Bahr al-Madid fi Tafsir al-Quran al-Majid*, c. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah,
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, 1973, *Madarij al-Salikin bayn Manazil `Iyyaka Na`bud wa `Iyyaka Nasta`in*, c.2, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah

- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram bin `Ali, 1992, *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibrahim Anis, `Abd Halim al-Muntasir, `Atiyyah al-Sawahi, Muhammad Khalaf Allah, 1987, *al-Mu`jam al-Wasit*, c. 2, Beirut: Dar al-Amwaj.
- Ibrahim, Muhammad Zaki, t.th, *fi Riyad al-'Ism al-A`zam*, Kaherah: Matbu`at wa Rasa'il al-`Ashirah al-Muhammadiyyah.
- Isa , `Abd al-Qadir, 2001, *Haqaiq `an al-Tasawwuf*, c. 11, Syria: Dar al-`Irfan Sakhr, Hamid Ibrahim Ahmad, 1970, *Nur al-Tahkiq fi Sihhah 'A`mal al-Tariq*, c. 2, Kaherah: Matba`ah Dar al-Ta'lif.

---

**SYED HADZRULLATHFI BIN SYED OMAR**

Falkulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Darul Iman Malaysia  
Kampus KUSZA, Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: sylutfi@udm.edu.my

**ENGKU IBRAHIM BIN ENGKU WOK**

Falkulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Darul Iman Malaysia  
Kampus KUSZA, Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: ibrahim@udm.edu.my

**MOHD SHAHRIL BIN OTHMAN**

Falkulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Darul Iman Malaysia  
Kampus KUSZA, Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: mohdshahril@udm.edu.my

**RAZALI BIN MUSA**

Falkulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Darul Iman Malaysia  
Kampus KUSZA, Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: murazali@udm.edu.my